

**PENJELASAN HUKUM BERKENAAN SIARAN PEKELILING
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK BERTARIKH 11 MEI 2021**

1. Apakah boleh dilaksanakan solat Jumaat di premis yang dibenarkan oleh Pegawai Tadbir Agama ketika para Jemaah tidak mencukupi 40 orang?

Jawapan:

Dalam hal ini, kepatuhan terhadap pihak berkuasa atau kerajaan (*Ulil Amri*) adalah menjadi keutamaan dalam pelaksanaan solat Jumaat. Berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam (JAIPk) yang bertarikh 11 Mei 2021 dengan merujuk kepada para yang berikut:

- 3.1.1 Tidak melebihi 50 orang Jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan lebih 1,000 jemaah;
- 3.1.2 20 orang Jemaah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid dan surau termasuk surau-surau yang diberi kebenaran khas, kawasan Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang yang boleh memuatkan kurang daripada 1,000 jemaah;

Jabatan ini setelah meneliti pelbagai pandangan berpendapat, bilangan yang dikehendaki untuk melaksanakan solat Jumaat di sesuatu premis yang dibenarkan hendaklah tidak kurang daripada bilangan 20 orang Jemaah. Hal ini adalah berdasarkan ijтиhad pemerintah (*ulil amri*) yang bertanggungjawab sepenuhnya demi menjaga prinsip *Maqasid Syariah*. Justeru, umat Islam disarankan sepenuhnya agar memanfaatkan kemudahan menerusi surau-surau yang telah diberi kebenaran untuk mendirikan solat Jumaat.

Adapun bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menuaikan solat Jumaat di tanah lapang maka hal yang demikian tidak sah untuk didirikan solat Jumaat. Hal ini telah dibahaskan dalam syarat sah solat Jumaat menerusi kitab *Hasyiah al-Sawiyy ‘Ala al-Syarh al-Saghir*, jilid pertama pada muka surat 500 :

(وَبِجَمِيعِهِ) فَلَا تُصْحِّحُ فِي الْبَيْوَتِ، وَلَا فِي بَرَاحِ الْأَرْضِ، وَلَا فِي خَانٍ، وَلَا فِي رَحْبَةِ دَارٍ.

“(al-Jami’) maka tidak sah (solat Jumaat) di rumah-rumah, tanah lapang, pondok kecil dan halaman rumah.”

Bagi pihak-pihak yang telah dipilih hendaklah melaksanakan solat Jumaat tanpa diiringi dengan solat Zohor. Manakala bagi mereka yang tidak dapat melaksanakan solat Jumaat maka dianggap sebagai golongan *ma’zur syarie* dan hendaklah menuaikan solat Zohor di premis masing-masing.